



TERIMA KASIH... Ghani (tiga, kanan) menerima cendera kenangan daripada Hussin. Turut kelihatan Dr. Khalid (dua, kiri), Ahuar (tiga, kiri), Barahim (kiri) dan Zainuddin (kanan).

Graduan UMS jana program berimpak tinggi

Oleh HASSAN DALIMPOS

hasdalpagalungan@yahoo.com

NABAWAN: Para graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkeupayaan melaksanakan program berimpak tinggi terhadap pembangunan di negeri ini.

Ketua Umno Bahagian Pensiangan, Datuk Abdul Ghani Datuk Yassin, berkata ini kerana graduan mampu membantu meningkatkan kualiti sosioekonomi masyarakat negeri ini, khususnya yang tinggal di kawasan pedalaman.

“Ia banyak membantu kerajaan dalam membuat persediaan menghadapi arus perubahan dunia globalisasi dan era digital yang kian rancak sekarang,” katanya.

Ghani berkata demikian ketika berucap merasmikan Program ‘Outreach’ Salarom Taka 2 anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Sabah di Dewan Rumah Panjang Kg. Salarom Taka, Jumaat lepas.

Katanya, ia juga mengeratkan hubungan interaksi antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya.

“Malah ia merupakan pendedahan awal kepada pelajar UMS agar dapat menelusuri

keadaan di persekitaran kampung apabila aktiviti seumpama itu dilaksanakan di kawasan kampung,” katanya.

Ghani yang juga Timbalan Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) yakin untuk merealisasikan hasrat berkenaan, peranan Alumni UMS khasnya di kawasan pedalaman akan menjadi sumber yang boleh dimanfaatkan oleh universiti dengan harapan komuniti ini dapat menyumbang kepada kecemerlangan universiti.

Justeru, katanya, pelajar UMS dialu-alukan agar menyertai program yang dianjurkan di kawasan pedalaman kerana suasana alam sekitar yang sunyi dan keindahan alam flora dan fauna dapat dinikmati apabila berada di kawasan jauh dari bandar.

Dalam masa sama, katanya, program pendedahan pendidikan itu membantu menyediakan penyebaran maklumat berkaitan pendidikan sosioekonomi bagi komuniti setempat selain mendidik masyarakat setempat.

Ghani menyeru semua pihak khususnya Alumni UMS di kawasan pedalaman supaya terus bersama mengembangkan tenaga kepakaran masing-masing untuk terus membangun pendidikan di negara ini.